

Pusat sembelih ayam menjijikkan

DBKL menutup serta-merta empat premis penyembelihan ayam yang beroperasi tanpa sijil halal selain lantai dan dinding premis didapati kotor serta ayam direndam di dalam air bercampur darah.

Ayam direndam air bercampur darah

- **DBKL serbu empat premis penyembelihan ayam**
- **Bekalan ayam untuk diedar sekitar Cheras**

Oleh ALANI NIZAM

PETALING JAYA – Sebanyak empat premis penyembelihan ayam yang beroperasi tanpa lesen diarah tutup serta-merta dalam satu operasi bersepadu di sekitar Jalan Semerah Padi dan Jalan Kuari, Bukit Cheras, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Operasi melibatkan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) itu dijalankan susulan aduan berkaitan isu kebersihan dan sijil halal.

Menurut DBKL dalam satu kenyataan, tujuh premis diperiksa dan empat daripadanya dikenakan tindakan tutup serta-merta, manakala lapan notis serta kompaun turut dikeluarkan



PENGUAT kuasa DBKL memeriksa salah satu premis yang kotor ketika proses menyembelih ayam di Bukit Cheras, Kuala Lumpur baru-baru ini.

atas pelbagai kesalahan.

"Antara kesalahan dikesan termasuk penyembelihan tanpa sijil halal, penyembelih tidak berdaftar, lantai dan dinding premis kotor, ayam direndam dalam air kotor bercampur darah, serta sisa dibuang terus ke longkang dan saluran air hujan," katanya.

Menurutnya, premis yang menggaji pekerja asing itu dipercayai membekalkan ayam ke restoran sekitar Cheras dan Kuala Lumpur.

"Pihak JAWI turut mengesahkan terdapat tukang sembelih di premis terbabit yang sudah dibatalkan sijil penyembelihannya.

"Kesemua premis juga didapati gagal mengemukakan bukti suntikan pelalian, sijil kursus pengendalian makanan serta penyelenggaraan perangkap minyak dan penapis sisa," katanya.

Menurut DBKL, pihaknya akan terus memperketat tindakan penguatkuasaan dan penyelarasan struktur terhadap premis yang beroperasi tanpa kelulusan.

"DBKL komited memastikan keselamatan makanan dan kesucian amalan penyembelihan sentiasa terpelihara demi kesejahteraan warga kota," jelasnya.